

**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU  
DAN KONFLIK ETNIK. KAJIAN  
KES: BOSNIA-HERZEGOVINA**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011**

**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU  
DAN KONFLIK ETNIK. KAJIAN  
KES: BOSNIA-HERZEGOVINA**

**KORNELIUS BINTI GARANGON**



**UMS**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT-SYARAT BAGI SARJANA SAINS  
SOSIAL**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

27 Ogos 2012

---

Kornelius Binti Garangon  
PA 2007-8300



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

**NAMA** : **KORNELIUS BINTI GARANGON**

**NO. MATRIKS** : **PA 2007-8300**

**TAJUK** : **PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN KONFLIK ETNIK. KAJIAN KES: BOSNIA-HERZEGOVINA**

**IJAZAH** : **SARJANA SAINS SOSIAL  
(HUBUNGAN ANTARABANGSA)**

**TARIKH VIVA** : **26 SEPTEMBER 2011**



**DISAHKAN OLEH**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

- 2. PENYELIA BERSAMA**  
Zaini Bin Othman

Tandatangan

## **PENGHARGAAN**

Segala puji-pujian dan syukur kepada Allah yang Maha Berkuasa dan Maha Agung kerana dengan izin-Nya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya sebagaimana yang telah dirancang. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia tesis ini, encik Shawaludin Bin Hassan dan encik Zaini Bin Othman yang telah berusaha dengan penuh dedikasi membimbing saya dalam setiap siri perbincangan tidak formal sepanjang penyiapan tesis ini. Budi dan jasa mereka sangatlah besar buat saya. Ribuan terima kasih juga kepada semua pegawai pengurusan dan staf Dewan Bahasa dan Pustaka atas kerjasama yang diberikan. Terima kasih juga kepada pemeriksa luar, Profesor Madya Dr. Kamarulzaman Askandar dari bahagian Penyelaras, Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan pemeriksa dalaman, Profesor Madya Dr. Kantayya A/L Mariappan dari bahagian Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi komen, teguran dan kritikan membina untuk memantapkan lagi isi kandungan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah dan Dekan Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang sentiasa memberi perangsang agar saya sentiasa istiqamah dalam menyiapkan bahan ilmiah yang bermutu. Lantaran itu, lahirlah tesis ini sebagai menyahut seruan dan amanah tersebut. Saya juga tidak lupa untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah, kakitangan, pelajar dan warga kampus UMS atas segala bentuk sumbangan dan perhatian mereka dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang sangat memahami keadaan kesibukan kerja saya. Berkat doa dan kesabaran mereka itulah akhirnya tesis ini menjadi realiti. Tesis ini juga merupakan hadiah istimewa daripada saya untuk mereka semua. Walau bagaimanapun, jika terdapat banyak kekurangan dan kelemahan dalam tesis ini, sebenarnya menjadi tanggungjawab saya sendiri.

Kornelius Binti Garangon  
27 Ogos 2012

## **ABSTRAK**

### **PETUBUHAN BANGSA-BANGSA DAN KONFLIK ETNIK. KAJIAN KES: BOSNIA-HERZEGOVINA**

Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menyelesaikan konflik etnik yang berlaku di Bosnia-Herzegovina dari tahun 1992 sehingga 21 November 1995. Teori kepentingan nasional dan kepentingan kolektif telah digunakan untuk menilai kesannya ke atas penglibatan dan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menyelesaikan konflik etnik ini disamping menilai kepentingan teori yang lebih dominan dalam menjelaskan penglibatannya dalam konflik ini. Kajian ini ditulis berasaskan sumber sekunder berhubung isu ini. Hasil analisis kajian ini menunjukkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai badan penjaga keamanan dan kestabilan dunia telah dikritik daripada masyarakat antarabangsa kerana lambat campur tangan dalam menyelesaikan konflik etnik ini. Konflik etnik di Bosnia-Herzegovina melibatkan tiga etnik utama iaitu etnik Serb Bosnia (Kristian Ortodox), etnik Croat (Roman Katolik) dan etnik Islam Bosniak (Islam). Retak di Yugoslavia bermula selepas kematian Tito pada tahun 1980. Konflik ini berlaku ekoran perebutan kuasa khususnya diantara etnik Islam Bosniak dan etnik Serb dalam perjuangan pembentukan negara merdeka di Bosnia-Herzegovina. Kegiatan pembersihan etnik yang dilancarkan oleh etnik Serb ke atas etnik Islam Bosniak dan Croat telah mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan North Atlantic Treaty Organizations campur tangan untuk menamatkan konflik ini. Konflik etnik ini telah ditamatkan dengan perjanjian Dayton diantara ketiga-tiga pihak pada 21 November 1995 yang di tandatangani di Amerika Syarikat. Kajian ini menunjukkan kepentingan kolektif dalam menyelesaikan konflik etnik ini tidak dapat dilaksanakan secara efektif kerana secara dasarnya ia bercanggah dengan kepentingan nasional negara-negara kuasa besar dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terutamanya negara Amerika Syarikat. Secara relatifnya, penyelesaian konflik etnik di Bosnia-Herzegovina telah mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan kerana percanggahan antara kepentingan kolektif dan kepentingan nasional. Justeru, penglibatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menyelesaikan konflik etnik ini agak kurang berkesan dan dapat dilihat sebagai gagal.

## **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to analyse the roles of played by the United Nations as third party in solving the ethnic conflict in Bosnia-Herzegovina. The theory of collective security and national interest has been used and discussion is also focused on the effectiveness of this theory collective security and national interest in their mission in solving the ethnic conflict in Bosnia-Herzegovina. All the data has been used from the secondary data. The next, a background of the war in Bosnia-Herzegovina has been reviewed. The ethnic conflict in Bosnia-Herzegovina country was started on the 1999 and finished at 21<sup>st</sup> of November, 1995. The ethnic conflict in Bosnia-Herzegovina cruelty done by Serb Bosnian, Croat Bosnian and Bosnian ethnic. All of them have a religion such Roman Catholic (Serb), Orthodox (Croat) and Islamic (Bosnian). The ethnic conflict in Bosnia-Herzegovina was started when the leader of Communist Party, Tito was died on 1980. The problems has been started and increased when all of them want to be a super power in Bosnia-Herzegovina. The disinclination from the Serb Bosnian to Bosnian ethnic was caused the war in Bosnia-Herzegovina and 'ethnic cleansing' has been happened and a third party need to intervene to resolve this ethnic conflict such United Nations and North Atlantic Treaty Organizations and the lastly make them to sign the 'Dayton Agreement' on 21<sup>st</sup> of November 1995, Ohio, United State. The conclusion about this study summarised the effectiveness of the role played by United Nations in solving the ethnic conflict is failed in Bosnia-Herzegovina and the theory of collective security is failed to use by United Nations to resolve this ethnic conflict.*



UNIVERSITI  
UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## **SENARAI KANDUNGAN**

HALAMAN

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	1
1.2 Konflik Etnik	1
1.3 Teknik Penyelesaian Konflik Etnik	3
1.3.1 'Confidence Building Measures' (CBM)	3
1.3.2 Campur Tangan Pihak Ketiga	7
1.4 Campur Tangan Pihak Ketiga dalam Konflik Etnik Di Bosnia-Herzegovina	13
1.5 Organisasi Antarabangsa	14
1.6 Kepentingan Kolektif	14
1.7 Kepentingan Nasional	15
1.8 Permasalahan Kajian	15
1.9 Objektif Kajian	16
1.10 Metodologi Kajian	16
1.11 Pembahagian Bab	17
<b>BAB 2: TEORI KEPENTINGAN NASIONAL DAN KEPENTINGAN KOLEKTIF</b>	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kepentingan Nasional	20
2.2.1 Definisi	20

2.2.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepentingan Nasional	22
2.3	Kepentingan Kolektif	25
2.3.1	Definisi	25
2.3.2	Faktor Yang Mempengaruhi Kepentingan Kolektif	26
2.4	Penilaian Teori Dalam Menyelesaikan konflik etnik	28
2.5	Kesimpulan	30
<b>BAB 3: PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU</b>		32
3.1	Sejarah Penubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB)	32
3.2	Peranan Dan Penglibatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Dalam Mengekalkan Keamanan Dan Kestabilan Dunia	34
3.3	Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	36
3.4	Organ Penting Dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	38
3.5	Kesimpulan.	42
<b>BAB 4: KONFLIK ETNIK DI BOSNIA-HERZEGOVINA</b>		43
4.1	Pengenalan	43
4.2	Latar Belakang Sejarah	43
4.3	Aktor-Aktor Dalam Konflik Etnik	45
4.4	Punca Konflik Etnik	47
4.5	Situasi Konflik Etnik	53
4.6	Kesan Konflik Etnik	58
4.6.1	Pembasmian Etnik	59
4.7	Kesimpulan	60
<b>BAB 5: PERANAN PIHAK KETIGA DALAM MENYELESAIKAN KONFLIK ETNIK DI BOSNIA-HERZEGOVINA</b>		62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Tindak Balas Di Srebrenica,( April 1993)	62
5.3	Tindak Balas Di Sarajevo Dari Julai Sehingga Ogos 1993	65
5.4	Pengeboman di Pasar Markala, (Februari 1994)	67
5.5	Tindak Balas Di Gorazde Dari Mac – April 1994	67
5.6	Tindak Balas Di Bihac Dari November – Disember 1994	71

5.7	Hasil Penyelesaian Konflik	76
5.8	Kesimpulan	80
<b>BAB 6: KEGAGALAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DALAM PENYELESAIAN KONFLIK ETNIK DI BOSNIA-HERZEGOVINA</b>		81
6.1	Pengenalan	81
6.2	Punca Kegagalan	81
6.2.1	Kegagalan Kepentingan Kolektif	81
6.2.2	Dominasi Kepentingan Nasional	90
6.3	Perbandingan Penglibatan PBB Dalam Konflik Antarabangsa Lain	93
6.4	Kesimpulan	100
<b>BAB 7: PENUTUP</b>		103
7.1	Limitasi Peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	103
<b>RUJUKAN</b>		108
<b>LAMPIRAN</b>		118




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

Halaman


<b>Rajah 1</b>	Kejayaan kepentingan kolektif	27
<b>Rajah 2</b>	Kegagalan kepentingan kolektif	27



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman	
<b>LAMPIRAN A</b>	Peta Semenanjung Balkan	118
<b>LAMPIRAN B</b>	Peta Kedudukan Bandar Bosnia-Herzegovina Sebelum Perang	119
<b>LAMPIRAN C</b>	Peta Kedudukan Bakal Yugoslavia Menurut Projek Ideologi Chetnik Dr. Steven Moljevic, 1941	120
<b>LAMPIRAN D</b>	Peta etnik Bosnia-Herzegovina	121
<b>LAMPIRAN E</b>	Tempat Asal Mangsa-Mangsa	122
<b>LAMPIRAN F</b>	Kumpulan Etnik Dan Agama Di Bosnia-Herzegovina, (1981/1991)	123
<b>LAMPIRAN G</b>	Kedudukan Bosnia-Herzegovina Selepas Kemerdekaan Selepas Perjanjian Dayton Dilaksanakan Pada tahun 1995	124



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>FYROM</b>	Federal Yugoslavia Republik of Macedonia
<b>HDZ</b>	Hrvatska Demokratska Zajednica
<b>I-FOR</b>	Implementation Force
<b>JNA/JYA</b>	Yugoslav National Army
<b>NATO</b>	North Atlantic Treaty Organization
<b>RAM</b>	Akronim bagi Yugoslav People's Army
<b>SDA</b>	Stranka Demokratske Akcije
<b>SDS</b>	Srpska Democratska Stranka
<b>SFOR</b>	Stabilization Force
<b>UNHCR</b>	United Nations High Commissioner for Refugees
<b>UNPROFOR</b>	United Nation Protection Force
<b>PBB</b>	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENGENALAN

Hubungan antarabangsa adalah satu bidang disiplin yang lebih mengkaji permasalahan mengenai peperangan, keamanan dan seterusnya isu-isu lain yang melibatkan konflik serantau, konflik etnik dan peperangan (Frankel, 1957:5). Dalam erti kata lain, kajian dalam bidang hubungan antarabangsa merangkumi pelbagai isu yang saling berkaitan khususnya dengan hubungan antara negara. Bab ini akan memfokuskan beberapa perkara penting iaitu, konflik etnik yang merangkumi maksud serta cara ataupun kaedah penyelesaiannya. Kedua adalah melihat konflik etnik yang telah berlaku di negara Bosnia-Herzegovina dan seterusnya melihat peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai pihak ketiga dalam menyelesaikan konflik yang telah berlaku.

#### **1.2: Konflik Etnik.**

Definisi konflik etnik telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana yang mendokong teori realisme seperti Morgenthau yang telah mentakrifkan konflik etnik sebagai permasalahan ataupun pertelingkahan antara dua etnik atau lebih yang mengambil pendirian yang berbeza (Morgenthau, 1951:217). Ini bermakna, konflik akan berlaku sekiranya mereka tidak mempunyai objektif dan matlamat yang sama dalam pentadbiran kerana manusia memiliki sifat yang kompleks yang bermaksud keinginan mencari kawasan ataupun wilayah sendiri dan kelangsungan hidup. Seseorang individu juga inginkan kawasan dan keinginan untuk mempengaruhi individu lain yang lebih tepat dikenali sebagai 'power'. Oleh sebab, manusia secara dasarnya inginkan kuasa maka, persaingan yang mencetuskan konflik antara etnik tidak dapat dielakkan. Dalam persaingan tersebut, sudah tentu individu yang kuat akan mengatasi individu yang lemah.

Senario konflik sedemikian jelas digambarkan oleh Petersen sebagai *the war of all against all* yang apabila tidak dibendung berkeupayaan menghapuskan

sesebuah komuniti akibat pertelingkahan berterusan antara setiap individu dan mengaitkan konflik sebagai satu fenomena yang amat berkait rapat dengan kehidupan individu kerana manusia tidak boleh hidup bersendirian dan saling memerlukan antara satu sama lain (Petersen, 1989:563). Paul Wher mengatakan konflik adalah sebahagian daripada naluri biologi yang mana "manusia adalah haiwan sosial" yang mempunyai naluri untuk bergaduh. Sifat ini menjadi asas dan mengakari sesetengah kehidupan sosial dan ia mengganggu proses dalam sistem sosial. Konflik, walau bagaimanapun boleh juga dipandang sebagai fungsi yang menukar sistem sosial itu sendiri. Justeru, dalam hubungan dan interaksi ini manusia akan bermaufakat jika perhubungan yang terjalin menguntungkan atau memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak sebaliknya jika mendatangkan kesangsian atau percanggahan, maka ketidakpuasan akan berlaku dan seterusnya membawa kepada konflik etnik

Genest dalam bukunya *Conflict and Cooperation: Evolving Theories of International Relations* menjelaskan bahawa konflik etnik yang berlarutan hingga kepada peperangan akan memusnahkan kedua-dua belah pihak (Genest, 1996:77). Sebaliknya usaha untuk membatalkan peperangan dengan tujuan meminimumkan kerugian yang akan berlaku, atau mengancam pihak lawan melakukan serangan tetapi tidak bertindak demikian adalah lebih menguntungkan bagi kedua-dua pihak dan akan membuka peluang perdamaian. Namun, konflik etnik tidak semestinya bersifat pertandingan dan kemenangan oleh satu pihak dan tidak semestinya kekalahan bagi etnik lain kerana pada masa kini konflik etnik lebih merupakan situasi tawar-menawar kerana ia menggabungkan pelbagai kepentingan bersama yang kuat bagi mencari jalan penyelesaian tanpa mewujudkan kerosakan. Sementara kejayaan bagi kedua-dua etnik bererti menghindarkan peperangan. Ini kerana konflik yang berlaku itu disebabkan oleh perbezaan kepentingan antara dua entiti ataupun dalam perspektif lain dilihat sebagai pertembungan kepentingan antara entiti tersebut.

Kelebihan analisis ini terletak pada keupayaannya menggabungkan aspek konflik dan kepentingan komuniti. Istilah konflik sering kali memberi konotasi yang negatif seperti kemusnahan dan kerosakan dalam hubungan. Selain itu, konflik

mungkin dilihat sebagai hubungan kalah-menang antara pihak berbalah justeru itu, pihak terbabit akan menafikan jalan penyelesaian. Oleh itu, konflik pada kadar yang berbeza telah menimbulkan beberapa persoalan seperti pertama, bagaimana konflik itu berlaku? Kedua, apakah kesan yang akan diterima oleh komuniti antarabangsa dan ketiga adalah bagaimana cara untuk menyelesaikan konflik.

### **1.3 Teknik Penyelesaian Konflik Etnik**


Dalam kajian hubungan antarabangsa, konflik antara etnik dalam sesebuah negara tidak dapat dielakkan dan ia harus diselesaikan untuk mengelakkan perang antara etnik berlaku. Oleh itu, suatu teknik penyelesaian harus diamalkan supaya konflik yang wujud dapat diselesaikan dengan cepat supaya ia tidak membawa sebarang malapetaka. Jika kita lihat pengurusan konflik etnik secara efektif oleh orang perseorangan, kerajaan, campur tangan organisasi antarabangsa dan negara luar telah menyakinkan kepada golongan minoriti tentang hak dan keselamatan mereka yang terjamin tetapi dalam tesis ini, penulis telah melihat bahawa kajian oleh Lake dan Rothchild menyatakan tentang kepentingan untuk mengurus konflik etnik dan dalam masa yang sama dapat memastikan hak dan kedudukan etnik minoriti terpelihara (Lake dan Rothchild, 1996:51). Mereka juga telah menyarankan bahawa terdapat dua cara pengurusan konflik etnik yang paling efektif. Pertama, melalui kaedah 'Confidence Building Measures' dan kaedah kedua adalah melalui campur tangan pihak ketiga. Walau bagaimanapun, mereka juga mengakui bahawa kedua-dua cara di atas adalah tidak sempurna dan bukannya cara penyelesaian yang kekal bergantung kepada faktor masa, tempat dan keadaan yang tertentu.

#### **1.3.1 'Confidence Building Measures' (CBM)**

*Confidence Building Measures* didefinisikan sebagai satu cara untuk menyakinkan masyarakat etnik yang tertindas tentang masa depan mereka disebabkan oleh rasa takut dan terancam sebagai golongan minoriti dan dapat membantu mereka menangani perasaan tersebut. Terdapat empat langkah 'Confidence Building Measures' yang utama iaitu menunjukkan rasa hormat, kongsi kuasa, pilihanraya serta wilayah autonomi dan federalisme (Lake dan Rothchild, 1996:57). Ada baiknya jika kita lihat saranan ini mengikut urutan. Pertama, menunjukkan rasa hormat. Etnik minoriti mahukan supaya setiap etnik sama ada etnik minoriti

ataupun etnik majoriti supaya saling hormat menghormati diantara satu sama lain. Mereka beranggapan bahawa keamanan dan keselamatan akan wujud dan kekal hanya apabila kedua-dua pihak saling merasakan bahawa satu pihak lagi ada kepentingan yang rasional.

Contohnya, konflik etnik yang telah berlaku di negara Sudan. konflik etnik timbul apabila kerajaan tidak memenuhi tuntutan mereka serta cuba meletakkan mereka di bahagian Selatan negara Sudan dan memberikan status kelas bawahan kepada mereka. Kemarahan etnik Sudan mula memucak pada tahun 1994 apabila Perdana Menteri Sudan telah mengadakan temubual perundingan yang dipanggil 'Nairobi' yang dikendalikan oleh Inter-Governmental Authority on Drought and Development (IGADD) telah menolak dakwaan yang telah diberikan oleh etnik minoriti Sudan dan rundingan ini juga telah menolak permintaan mereka yang mahukan sebuah kerajaan sekular diwujudkan dan bukannya sebuah kerajaan Islam.



Walau bagaimanapun, etnik majoriti Sudan pula tidak mahukan perpecahan berlaku, maka mereka juga tidak bersedia untuk menunaikan permintaan daripada etnik minoriti dengan alasan boleh menyebabkan status mereka jatuh ataupun akan ditindas oleh pihak minoriti. Tetapi, untuk membangunkan semula keyakinan pemerintahan mereka kepada etnik minoriti adalah terlalu sukar dan sangat membimbangkan mereka. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah mencadangkan supaya selalu mengusahakan gerakan untuk memperbaiki dan memulihkan tanpa mengharapkan tindak balas yang cepat. Kerajaan juga turut mencadangkan supaya kesalahan lepas dan rasa penindasan mesti dibuang kerana itu yang akan menyukarkan interaksi semasa sesama etnik berlaku.

Seterusnya, perkongsian kuasa antara pihak majoriti dan pihak minoriti mesti dilakukan (Lake dan Rothchild, 1996:58). Pengurusan konflik etnik seperti ini memerlukan usaha oleh pihak kerajaan untuk menujuhkan sebuah kerajaan yang berbentuk campuran dimana kerajaan digalakkan untuk memberikan peluang kepada etnik minoriti dalam semua sektor dan juga sebagai perwakilan dalam politik (Watts, 1995:92). Dengan cara ini, konflik tidak akan timbul apabila etnik

minoriti merasakan hak mereka dijaga oleh kerajaan. Contohnya, apabila Presiden negara Afrika Selatan iaitu Nelson Mandela telah bersetuju untuk berkongsi kuasa dengan cuba memasukkan provisi dalam perlembagaan sementara sebagai satu usaha memulihkan dominasi komuniti kulit putih dalam semua aspek politik dan ekonomi.

Perkongsian kuasa boleh jadi tidak formal ataupun formal semasa dalam kerajaan autoritarian mahupun demokratik. Contohnya, rejim pemerintahan authoritarian semasa Josip Broz Tito di Yugoslavia dimana semua perwakilan etnik boleh berjumpa dengan Presiden semasa sesi kabinet berlangsung bagi sama-sama membincangkan isu yang timbul (Watts, 1995:98). Walau bagaimanapun, kedua-dua mereka bersetuju bahawa hasil sistem perkongsian kuasa adalah berbeza-beza tetapi wujud persamaan dari segi adanya proses sama-sama membuat penyesuaian dengan norma-norma dan persetujuan yang dikongsi bersama. Ia adalah cara yang dianggap rapuh kerana jika ia tidak dilaksanakan dengan berhati-hati boleh menyebabkan keadaan menjadi tegang ataupun 'backfire' kerana bagi pihak majoriti yang tidak bersedia dengan tindak balas pihak minoriti boleh menyebabkan mereka merasa terancam.

Pilihanraya juga boleh menjadi satu lagi cara untuk mewujudkan langkah-langkah membina keyakinan etnik minoriti (Lake dan Rothchild, 1996:59). Walaupun pilihanraya hanya melambangkan suatu pergerakan politik tetapi ianya boleh menggalakkan kestabilan kerana golongan minoriti boleh diwakili dengan cara yang betul. Namun, pilihanraya boleh memberikan pengaruh yang kuat ke atas mana-mana kumpulan ataupun pergerakkan politik dan konflik serta boleh mengatasi hal-hal lain seperti perjanjian yang telah ditandatangani dalam permainan politik, penyertaan bebas dalam proses pengundian dan perjanjian dalam ekonomi dan alam sekitar kerana pilihanraya boleh mempromosikan kestabilan dalam sistem antarabangsa. Pilihanraya juga boleh menyakinkan pengundi yang tidak pasti serta tidak mempunyai keyakinan dengan pertubuhan yang bakal dibentuk, maka proses pilihanraya boleh menjadi satu instrumen yang sah untuk menentukan parti yang bakal memerintah seperti apa yang telah dijelaskan oleh Adam Przeworski (Przeworski, 1991:26). Semua kumpulan juga

mempunyai sebab dan alasan untuk membentuk serta mengasaskan parti bagi memudahkan mereka bersaing dengan cara yang sihat bagi mendapatkan kuasa pada masa hadapan.

Sistem pilihanraya juga boleh dibentuk berdasarkan dua cara bagi mempromosikan sebuah parti campuran (Lake dan Rothchild, 1996:60). Pertama, melalui sistem peraturan ataupun undang-undang pengundian boleh dijadikan satu alat untuk mengikat satu atau lebih kumpulan etnik. Contohnya, sistem perlombagaan di negara Nigeria dalam tahun 1979 dan 1995 yang meminta jika terdapat dua calon yang bertanding dalam pilihanraya, maka hanya seorang yang akan dipilih berdasarkan jumlah undian majoriti (Timothy, 1993:87).

Cara yang kedua adalah melalui pilihan raya perundangan juga boleh digunakan bagi memastikan perwakilan disertai oleh beberapa kumpulan etnik dalam suatu kumpulan masyarakat. Ini diperlukan bagi menggalakkan penyertaan golongan minoriti dalam mewakili parti politik serta saling mendapat keuntungan dalam parti campuran tersebut. Contohnya, struktur pilihanraya yang telah dijalankan oleh negara Rusia dalam tahun 1993 dimana satu draf sah bersyarat telah dikeluarkan untuk sebuah kawasan yang memiliki 450 ahli yang mana separuhnya adalah terdiri daripada kumpulan pengundi persendirian dan sebahagian lagi adalah kumpulan pengundi gabungan.

Sistem pengundian seperti ini adalah untuk memastikan kumpulan etnik minoriti dapat diwakili dalam negara Duma(Rusia). Keadaan yang sama juga telah berlaku di negara Afrika Selatan dimana Kongres Kebangsaan telah bersetuju ke atas beberapa parti politik yang enggan untuk menggunakan 'Proportional Representation'(PR) semasa pilihanraya dengan tujuan memberikan perlindungan keselamatan kepada etnik minoriti (Timothy, 1993:95). Walaupun sistem ini sukar untuk dilaksanakan dan gagal untuk melahirkan hubungan yang baik antara ahli dalam parlimen dan para pengundi tetapi tidak ada seorangpun pemimpin dalam Kongres Kebangsaan bersetuju untuk menyambung semula sama ada mahu menggunakan cara ini ataupun tidak dalam pilihanraya yang akan datang bagi memilih wakil-wakil dalam Perhimpunan Agung.

Pemberian wilayah autonomi dan federalisme sebagai satu lagi cara yang terakhir untuk mewujudkan langkah-langkah membina keyakinan (Lake dan Rothchild, 1996:61). Pemusatan kuasa dan politik kepada kerajaan pusat boleh memainkan peranan dalam mengurus konflik politik. Dalam hal ini, pihak berkuasa tempatan akan diberikan sedikit kuasa autonomi bagi menggalakkan keyakinan dikalangan ketua-ketua kawasan ke atas kerajaan pusat. Keamanan dan kestabilan hanya akan wujud apabila kawasan autonomi, pemusatan kuasa dan federalisme dijalankan seperti apa yang telah berlaku di negara-negara seperti Bosnia, Sri Lanka, Cyprus, Sudan, Angola, Mozambique dan Afrika Selatan. Kaedah seperti ini merupakan satu cara yang boleh digunakan oleh pihak ketiga dalam proses perundingan keamanan di Bosnia pada tahun 1995 apabila kerajaan Bosnia telah bersetuju untuk mengiktiraf satu kawasan autonomi kepada pihak Serb yang dipanggil Republik Srpska (Lake dan Rothchild, 1996:63).

Kaedah 'Confidence Building Measures' secara praktikalnya adalah satu cara ataupun instrumen untuk menyakinkan etnik minoriti malah komuniti antarabangsa perlu menggalakkan negara yang berpotensi terlibat dalam konflik etnik untuk menggunakan kaedah ini bagi menyelesaikan konflik etnik. Walau bagaimanapun, teknik seperti ini hanya sesuai digunakan untuk mengurus konflik etnik dan bukannya untuk menyelesaikan konflik etnik. Namun, daripada membiarkan kemungkinan kumpulan-kumpulan ini menggunakan cara kekerasan ataupun mengancam pihak lain dalam usaha menyelesaikan konflik etnik, maka 'Confidence Building Measures' ini adalah sebagai satu permulaan untuk mengurangkan faktor yang ditimbulkan oleh prasangka etnik dan menyimpulkan bahawa dalam hal mengenai kedaulatan(hak), yang terbaik dapat dicapai adalah tahap keyakinan yang tinggi dan bukannya kepastian.

### **1.3.2 Campur Tangan Pihak Ketiga**

Penyelesaian konflik secara aman amat ditekankan dalam undang-undang awam antarabangsa. Maka, Lake dan Rothchild (1996), telah melihat bahawa terdapat dua perkara penting yang perlu dilihat pada pihak ketiga sebelum menyelesaikan konflik. Pertama, adalah melihat objektif dan matlamat yang ingin dicapai oleh pihak ketiga bagi mencapai kejayaan dalam setiap peranannya yang berbeza

semasa menyelesaikan konflik manakala perkara yang kedua adalah perkara yang amat penting iaitu peranan aktor antarabangsa yang terlibat dalam menyelesaikan konflik.

Terdapat beberapa bentuk campur tangan secara tidak langsung. Menurut Shaw (2000:720), Perundingan merupakan cara yang termudah dan paling kerap digunakan bagi menyelesaikan konflik antara Negara. Sebelum kita mengkaji berkenaan perundingan, lebih elok jika kita memahami maksud perundingan.

Menurut kamus Longman, 'berunding' bermaksud 'membincangkan sesuatu bagi mencapai persetujuan, terutamanya dalam isu perdagangan dan politik' (Longman Dictionary., 1995:948). August pula menerangkan bahawa perundingan adalah 'suatu proses mencapai persetujuan melalui perbincangan' (August, 1995:443).

Daripada kedua-dua definisi ini, jelas menunjukkan negara-negara yang berkonflik perlu berbincang untuk mencari kata persetujuan atau penyelesaian mengenai isu yang menjadi konflik antara mereka. Contohnya, India dan Pakistan baru-baru ini hampir berperang menggunakan senjata nuklear masing-masing kerana perebutan wilayah Kshmir yang terletak di persempadanan kedua-dua buah negara (August, 1995:98-100). Tetapi dengan perundingan, konflik kedua-dua negara tersebut dapat diredukan sekali gus mengelakkan penggunaan senjata nuklear yang bukan sahaja akan memusnahkan kedua-dua buah negara tersebut, tetapi juga sebahagian besar geografi dunia ini.

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa perundingan memainkan peranan penting dan efektif dalam menangani konflik. Mereka akan terlibat secara aktif dan langsung, dengan itu mereka mampu mencapai keputusan yang terbaik untuk kedua-dua belah pihak yang bertelagah. Sebab itulah perundingan dikatakan jalan yang terbaik antara negara yang bertelagah (Shaw, 2000:721).

Walaupun begitu, perundingan tidak selalunya dapat memberikan penyelesaian kepada konflik yang dihadapi. Ia masih bergantung kepada tahap

kerjasama, flexibility dan sensitivity pihak-pihak yang bertelagah. Tetapi sekurang-kurangnya pihak bertelagah dapat memahami perbezaan pegangan yang terdapat di antara mereka di mana pada suatu masa nanti perbezaan itu akan dapat ditamatkan melalui beberapa lagi siri perundingan antara mereka.

*Good Office* dan perantaraan merupakan cara penyelesaikan konflik etnik yang melibatkan pihak ketiga (Frankel, 1987:87-88). Pihak ketiga ini akan menyediakan cara ataupun mekanisme dan menggalakkan pihak bertelagah berunding bagi mencari jalan penyelesaian. *Good Office* adalah proses terawal dimana pihak ketiga akan cuba memujuk pihak bertelagah supaya bersetuju ke meja rundingan.

Apabila pihak bertelagah ini bersetuju berjumpa untuk berunding maka, rundingan itu dikenali sebagai perantaraan. Ia berbeza dengan perundingan kerana perundingan tidak melibatkan pihak ketiga manakala perantaraan melibatkan pihak ketiga dalam rundingan. ‘Mediation’ atau perantaraan adalah satu cara menyelesaikan konflik. Perantaraan melibatkan orang tengah ataupun pihak ketiga dalam proses penyelesaian konflik (Frankel, 1987). Secara ringkasnya, melalui peranan pihak ketiga, sesuatu konflik itu dapat diselesaikan jika segalanya berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan biasanya pihak ketiga ini mempunyai segala kepakaran serta pihak ini haruslah memainkan peranannya dengan penuh teliti supaya tidak timbul kekeliruan dalam penyelesaian konflik tersebut. Konflik yang wujud juga akan cuba diselesaikan melalui proses rundingan secara damai antara dua pihak yang terlibat. Mereka ini dibawa kemeja perundingan bagi membincangkan dan seterusnya menyelesaikan masalah yang sebenarnya wujud tanpa percanggahan pendapat. Dalam perundingan tersebut, faktor-faktor konflik ditimbulkan supaya segala kelemahan yang menyebabkan konflik tersebut dapat diatasi.

Biasanya rundingan ini diatur oleh pihak ketiga yang kebiasaannya tidak terlibat dalam konflik tersebut. Sebagai contoh, dalam konflik etnik yang wujud di negara Bosnia-Herzegovina menyebabkan rakyatnya menderita dan menyebabkan pihak ketiga campur tangan bagi menyelesaiannya (William, 1996:120-125).

Semasa rundingan ini berjalan, pihak yang terlibat masing-masing cuba memenuhi keinginan dan matlamat rundingan.

Pihak ketiga juga haruslah memahami punca timbulnya konflik serta harus mempunyai hubungan yang baik antara kedua-dua pihak yang terlibat dalam konflik (Kaufman, 1996:148). Pengantara ini juga tidak boleh berat sebelah kepada mana-mana pihak yang bertelagah dan tidak mempunyai kaitan langsung dengan konflik yang wujud. Walaupun tidak dapat menyelesaikan masalah namun pihak ketiga haruslah membentangkan cadangan yang baik. Seterusnya, pihak ketiga akan memainkan peranan aktif bersama-sama pihak yang bertelagah dalam usaha menyelesaikan konflik yang berlaku. Mereka akan menerangkan serta menterjemah setiap kehendak dan permintaan pihak-pihak yang berkonflik. Pihak ketiga perlulah daripada pihak yang diterima oleh kedua-dua pihak. Ia tidak dapat dijalankan sekiranya pihak-pihak yang terbabit tidak bersetuju kerana hanya dengan persetujuan mereka, ia dapat dijalankan (Kaufman, 1996:150).

Contohnya, semasa perang Falklands yang berlaku pada tahun 1982 di antara negara Argentina dan United Kingdom yang berjaya diselesaikan melalui perantaraan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Perez de Cuellar dan Setiausaha negara Amerika Syarikat Alexander Haig (Weinstein, 1972:27). Sebenarnya, Alexander Haig tidak diterima sebagai pengantara oleh Argentina kerana Amerika Syarikat adalah ahli North Atlantic Treaty Organization (NATO), rakan kepada United Kingdom. Oleh itu, hanya Perez de Cuellar sahaja yang diterima sebagai pengantara.

Pihak ketiga juga boleh menyelesaikan konflik melalui kaedah penyiasatan bagi mencari dan menentukan fakta kejadian yang berlaku (Marcson, Disember 1945:162). Pasukan penyiasat ini dipanggil sebagai ‘suruhanjaya’. Misalnya, dalam konflik antara negara Rusia dan British dalam kes Dogger Bank 1904 dimana satu suruhanjaya telah ditubuhkan bagi mencari fakta sama ada kapal Rusia yang dalam perjalannya ke Jepun semasa perang Rusia-Jepun di atas arahan pegawainya telah menembak sekumpulan nelayan British di Dogger Bank kerana takut diserang oleh kapal Jepun yang dilengkapi dengan senjata torpedo. Suruhanjaya mendapati